

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	22 June 2015

Najib tegur Palanivel

um - 22/6/2015

KUALA LUMPUR 21 Jun - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak menegur Presiden MIC, Datuk Seri G. Palanivel kerana memutarbelitkan fakta dan mengheret orang lain ke dalam krisis parti itu.

Najib berkata, beliau akan memanggil Palanivel bagi memberi penjelasan berhubung kenyataannya pada perjumpaan khas MIC dengan pengerusi cawangan parti itu di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini semalam.

"Saya akan panggil Palanivel untuk memberi penjelasan berhubung komen beliau di PWTC seperti yang dilaporkan.

"Beliau sepatutnya berhenti menyalahkan orang lain, perlu mematuhi keputusan mahkamah

dan Pendaftar Pertubuhan (ROS)," katanya dalam akaun Twitter miliknya hari ini.

Pada perhimpunan semalam, Palanivel yang juga Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar dalam ucapannya kepada 5,000 perwakilan termasuk 2,760 pengerusi cawangan berkata, parti itu dipaksa mengadakan pemilihan semula berikutan adanya campur tangan Barisan Nasional (BN) dan Najib sendiri.

"BN dan PM sendiri terbabit dalam memberi tekanan kepada MIC untuk menolak keputusan pemilihan parti yang diadakan pada 2013 yang telah disahkan dan untuk parti kita menyebelahi pengkritik kita," kata Palanivel.

Henti salahkan PM dan BN

um - 22/6/2015

PUTRAJAYA 21 Jun - Presiden MIC, Datuk Seri G. Palanivel harus bertanggungjawab sepenuhnya terhadap masalah dihadapi MIC dan bukannya menyalahkan semua pihak termasuk Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Setiausaha Agung Barisan Nasional (BN), Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor berkata, pihaknya tidak boleh bertolakansur dengan tindakan Palanivel yang menyalahkan pelbagai pihak termasuk tuduhan campur tangan terhadap krisis dihadapi MIC.

"Beliau wajar mematuhi keputusan mahkamah dan Pendaftar Per-

tubuhan (ROS) supaya pemilihan kepemimpinan MIC perlu diadakan segera dan tidak perlu menyalahkan orang lain," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Palanivel mendakwa, tindakan Najib dan BN telah memberi tekanan kepada MIC untuk menolak keputusan pemilihan parti yang diadakan pada 2013.

Isnin lalu, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur menolak dua permohonan semakan kehakiman yang dikemukakan oleh lima pemegang jawatan dalam MIC untuk membatalkan keputusan ROS yang mengarahkan pemilihan semula parti.